

**Janji Manifesto BN Pastikan Masa Depan Cerah Untuk Wanita Dipuji
Bernama
8 April, 2013**

KUCHING, 8 April (Bernama) -- Manifesto Barisan Nasional yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, yang berjanji untuk memperkukuh penyertaan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan di peringkat nasional, menerima pujian.

Ketua Wanita Parti Rakyat Sarawak (PRS) Datuk Doris Sophia Brodie berkata memandangkan pengundi wanita akan memberi kesan ketara pada pilihan raya umum ke-13, aku janji itu dilihat sebagai satu insentif yang baik untuk golongan berkenaan menyokong BN.

"Kita tahu kedudukan kita pada masa depan adalah cerah dan pasti," kata Brodie, yang juga wanita pertama dari Sarawak dilantik Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, kepada Bernama.

Mengulas manifesto BN, yang turut mempromosi kesaksamaan jantina dalam semua bidang dan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan kepada wanita, beliau berkata aku janji itu amat mesra rakyat.

"Berdasarkan rekod, secara umum wanita tahu Perdana Menteri kita ikhlas, rajin serta jujur, oleh itu, saya boleh meramalkan bahawa majoriti wanita akan mengundi BN dan secara tidak langsung Najib, sebagai perdana menteri," katanya.

Beliau berkata infrastruktur yang dijanjikan untuk rakyat di Sarawak bukan sahaja akan meningkatkan ekonomi dan pendapatan malah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada wanita untuk berada di barisan depan.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS) Ahmad Malie menyifatkan manifesto BN sebagai mesra guru.

Beliau berkata keprihatinan Najib memberi makna besar kepada kira-kira 420,000 guru di negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940260>